

# BAB DUA

**BAB II**  
**UNIT DAKWAH SAUDARA KITA**  
**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR SELAKU**  
**PENGENDALI HAL EHWAL MUALAF DI SELANGOR**

**2.1 Pengenalan Sejarah**

Jabatan Agama Islam Selangor ditubuhkan selepas tahun 1945 . Ketika itu ianya dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam. Fenomena ini berlaku adalah disebabkan tiadanya sebarang institusi agama yang lengkap dalam mengurus hal ehwal agama masyarakat Islam di Selangor sebelum tahun 1945. Segala hal ehwal pentadbiran dan pengurusan masyarakat Islam ketika itu diletakkan di bawah kuasa sultan.<sup>37</sup>

Sultan Hisammuddin Alam Shah telah mencadangkan penubuhan Jabatan Agama Islam Selangor. Suasana rakyat dalam tahanan Jepun dan akhlak serta kepercayaan agama orang Melayu yang merosot pada masa itu telah menginsafkan baginda. Oleh yang demikian, dengan persetujuan Kerajaan Negeri Selangor, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam telah

---

<sup>37</sup> Sadka, Emily ( 1968), *The Protected Malay States 1874-1895*, Kuala Lumpur : University of Malaya Press, m.s. 272

ditubuhkan. Raja Nong bin Raja Hussain telah dilantik menjadi setiausaha dan pejabat sementara jabatan tersebut adalah berhampiran dengan Istana Kota Klang. Penubuhan jabatan ini akan dapat membantu usaha kerajaan dalam menyekat perkembangan fahaman komunis di Tanah Melayu di samping memperbaiki akhlak dan kepercayaan orang Melayu pada masa itu.<sup>38</sup>

Dengan mengambil contoh susunan pentadbiran Jabatan Agama Islam Johor, Undang-undang tubuh Negeri Selangor telah digubal pada tahun 1947 di mana hal penubuhan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan adat istiadat Melayu telah dimasukkan. Maka pada tahun 1948, tertubuhlah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam yang berpejabat di bekas bangunan Kelab Diraja Selangor.<sup>39</sup>

### **Majlis Agama Islam Selangor**

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) pula adalah berasingan dengan Jabatan Agama Islam Selangor. Pentadbiran Jabatan Agama Islam Selangor diarah dan dikawal oleh Kerajaan Negeri, tetapi Majlis Agama

---

<sup>2</sup>Jabatan Agama Islam Selangor, [http://jais.selangor.gov.my/bm/mais/Sejarah\\_JAIS.html](http://jais.selangor.gov.my/bm/mais/Sejarah_JAIS.html), 21 Januari 2002

<sup>3</sup>*Ibid.*, 22 Januari 2002

Islam adalah di bawah kuatkuasa Sultan Selangor sebagai sifatnya selaku Ketua Agama Islam Negeri.<sup>40</sup>

Majlis Agama Islam adalah bertanggungjawab langsung kepada Sultan Selangor. Ahli-ahli majlis ini dan jawatankuasa yang dilantik adalah dianggap sebagai orang kerajaan sebagaimana yang disebutkan dalam panel undang-undang jenayah dengan erti kata tidak boleh mendakwa atas nama mereka.<sup>41</sup>

Majlis Agama Islam atau nama penuhnya Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor (*Council of Religion and Malay Customs Selangor*) adalah ditubuhkan mengikut kuatkuasa Fasal 5 Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor Tahun 1952. Majlis ini telah ditubuhkan dalam tahun 1953 sebaik sahaja undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor diluluskan.<sup>42</sup>

Majlis ini merupakan suatu badan yang tetap dan mempunyai mohornya sendiri. Badan ini ada mempunyai hak dan kuasa menuntut dan dituntut, mendakwa dan didakwa atas nama badan ini sendiri. Untuk menjalankan pentadbirannya majlis ini ada mempunyai sumber kewangan sendiri. Sumber kewangannya adalah terdiri dari wang kutipan fitrah dan

---

<sup>40</sup> Ustaz Anuar Hamzah Toha, Penolong Pengarah Unit Dakwah Saudara Kita Jabatan Agama Islam Selangor, temubual pada 20 Februari 2002

<sup>41</sup> Jabatan Agama Islam Selangor. *op.cit.*, 21 Februari 2002

<sup>42</sup> *Ibid.*, 21 Februari 2002

wang serta harta-harta orang Islam yang dikumpulkan ke dalam Baitulmal.<sup>43</sup>

Badan ini juga boleh membuat perjanjian dengan mana-mana pihak, membeli, memegang dan menggunakan harta serta menjalankan perniagaan mengikut lunas-lunas yang dibenarkan oleh syarak. Majlis ini juga berkuasa menjadi *wāsi* harta-harta pusaka orang-orang Islam dan menjadi wakil amanah.<sup>44</sup>

## **2.2- Peranan Jabatan Agama Islam Selangor .**

### 2.2.1 Pengenalan

Jabatan Agama Islam Selangor adalah sebuah jabatan kerajaan yang dipertanggungjawabkan dalam hal ehwal agama Islam di Negeri Selangor, soal pendidikan Islam, pengurusan masjid, pelaksanaan undang-undang Syarak dan tidak ketinggalan juga isu dakwah kepada muslim dan *non-muslim* juga menjaga kebajikan saudara baru atau dikenali sebagai golongan mualaf.

---

<sup>43</sup>*Ibid.*, 21 Februari 2002

<sup>44</sup>*Ibid.*, 21 Februari 2002.

Jabatan Agama Islam Selangor adalah salah satu agensi kerajaan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor, ia bertanggungjawab menjalankan amanah memartabatkan Islam di negeri ini, untuk tujuan tersebut JAIS secara pentadbirannya telah dibahagikan kepada sembilan bahagian :<sup>45</sup>

- I. Bahagian Pengurusan
- II. Bahagian Pendidikan Islam
- III. Bahagian Pengurusan Dakwah
- IV. Bahagian Perundangan Keluarga
- V. Bahagian Perundangan Syarak
- VI. Bahagian Pengurusan Masjid
- VII. Bahagian Penyelidikan & Pembangunan
- VIII. Bahagian Penguatkuasaan
- IX. Bahagian Baitulmal

Dalam mengendalikan hal-ehwal kebajikan saudara baru, JAIS meletakkan tanggungjawab dan amanah ini kepada bahagian Pengurusan Dakwah.

Pelbagai nama telah diberikan kepada unit ini sejak ia ditubuhkan pada tahun-tahun selepas merdeka, bermula dengan Unit Muallaf, Unit

---

<sup>45</sup> Ustaz Yusof Ong, Pegawai JAIS, temubual pada 28 Oktober 2000.

Ukhwah, Unit Saudara Baru hinggalah kepada Unit Dakwah Saudara Kita yang mula dikuatkuasakan pada 15 Januari 2001 yang lalu.<sup>46</sup>

Dengan perkembangan ini, unit ini menjadi semakin matang dengan pelbagai program yang dirancang dan dilaksanakan untuk kebaikan para saudara kita dan juga sebagai usaha dakwah kepada masyarakat bukan Islam.

Pelbagai aktiviti ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan sempurna tanpa ada gerak kerja yang berterusan dari anggota unit ini seramai tujuh belas orang yang ditugaskan di seluruh pelusuk Negeri Selangor. Mereka disokong oleh tiga belas orang guru agama yang ditugaskan mendidik para saudara baru.

Dengan visi “Melahirkan Masyarakat Saudara Baru Yang Menghayati dan Komitmen Terhadap Ajaran Islam”, pegawai dan kakitangan unit ini bertungkus lumus siang dan malam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka berlandaskan misi unit ini; “ Memberi Segala Bentuk Bantuan dan Bimbingan Kepada Saudara Kita”.<sup>47</sup>

---

<sup>46</sup> Ustaz Anuar Hamzah, Penolong Pengarah Unit Dakwah Saudara Kita, temubual pada 20 Februari 2001.

<sup>47</sup> *Ibid.*, 20 Februari 2001.

Penubuhan sesebuah unit dalam sesebuah organisasi sudah tentu ada tujuan serta objektifnya yang tersendiri, begitulah juga dengan unit ini, antara objektif penubuhan unit ini ialah untuk :-

- I. Menyebarkan dakwah Islamiah kepada masyarakat bukan Islam.<sup>48</sup>
- II. Mewujudkan Ukhwah Islamiah di kalangan saudara baru.
- III. Mengurus dan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan saudara baru.
- IV. Menyedia dan melaksanakan program dakwah yang berkesan untuk meningkatkan kefahaman Islam di kalangan saudara baru.

Pelbagai strategi yang dilakukan untuk mencapai objektif dan matlamat tersebut, antaranya:-

- I. Menyusun semula aktiviti unit saudara kita.
- II. Mendekati masyarakat *non-muslim* melalui Program Keharmonian Islam.
- III. Program pengislaman yang terancang dan susulan yang berterusan.
- IV. Mengadakan kursus-kursus dakwah yang berjadual.<sup>49</sup>

---

<sup>48</sup> mulai Januari 2002, tugas dakwah kepada bukan Islam diambilalih oleh Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Selangor.

<sup>49</sup> Buletin Ukhwah, Bil 01/2001, Keluaran April, m.s. 10.



## Misi dan Visi Jabatan Agama Islam Selangor

Jika ditinjau secara lebih dekat lagi misi utama Jabatan ini ialah “Melahirkan masyarakat Islam Madani yang mengamal dan menghayati ajaran Islam sebagai budaya dan cara hidup yang direndhai Allah S.W.T.”

Matlamat misi ini tidak akan berjaya tanpa pengukuhan serta komitmen kerja yang berterusan melalui visinya. “Meneruskan kesinambungan penyebaran dakwah Islamiyah kepada masyarakat sebagai cara hidup dalam menghadapi alaf baru”.

Kita dapat melihat dengan jelas tentang hala tuju jabatan ini dalam dakwah mereka kepada golongan muallaf dalam objektif JAIS yang ketiga: -

... 3. Mempertingkatkan kualiti dan kuantiti sebaran risalah dakwah kepada masyarakat Islam dan Bukan Islam.<sup>50</sup>

Jabatan Agama Islam Selangor melalui bahagian Pengurusan Dakwah diamanahkan untuk menjaga amanah dakwah Islamiyah termasuk kepada

---

<sup>50</sup> Jabatan Agama Islam Selangor, <http://jais.selangor.gov.my/bm/bahjais.html>, 21 Februari 2002.

mualaf, operasi kerja-kerja mereka dibahagikan kepada tiga unit antaranya

- ✓ Unit Dakwah Sesama Kita
- ✓ Unit Dakwah Saudara Kita
- ✓ Unit Perayaan Rasmi

Setiap unit ini diketuai oleh seorang penolong pengarah berpangkat pegawai S3 dibantu oleh kakitangan sokongan di peringkat ibu pejabat di Shah Alam dan di setiap sembilan daerah di negeri ini. Dengan berasaskan unit-unit tersebut, JAIS bergerak ke hadapan membawa harapan agar semua lapisan masyarakat Islam di negeri ini akan menikmati segala perkhidmatannya yang berkualiti.<sup>51</sup>

Setiap unit mempunyai golongan sasaran tertentu dan setiap aktivitinya adalah berasaskan hasrat masyarakat Islam, samada kerajaan mahupun orang ramai sendiri.

Untuk masyarakat yang ada kecenderungan dan minat kepada Islam, atau masyarakat Islam yang baru dan masih lemah pengetahuan serta akidah mereka terhadap Islam, satu unit khusus bagi memperkasakan dakwah serta menyampaikan hak serta kebajikan golongan mualaf.

---

<sup>51</sup> Ustazah Hajah Sarajah Bejo, Penolong Pengarah Dakwah Sesama Kita JAIS, temubual pada 21 Januari 2001, pada April 2004 beliau bertukar ke Jabatan Agama Islam Melaka sebagai Timbalan Pengarah Bahagian Perundangan Keluarga Islam.

Unit ini ditubuhkan seawal penubuhan unit-unit di bawah bahagian Dakwah yang mempunyai pentadbiran yang diketuai oleh seorang Timbalan Pengarah JAIS ( bahagian Dakwah ) yang menguruskan segala yang berkaitan dengan penerangan dakwah.<sup>52</sup>

Menurut ketuanya,<sup>53</sup> Ustaz Anuar Hamzah Toha, gerak kerja unit ini adalah berlandaskan kepada motto “ Islam Disanjung Ukuhah Dijalin” dan misi “Memberi Kefahaman Islam Yang Jelas Kepada Saudara Baru ” juga visi “ Melahirkan Masyarakat Saudara Baru Komited Terhadap Ajaran Islam” dengan menggembelengkan tenaga menyusun strategi memperkasa aktiviti unit ini bagi mendekati masyarakat *non-muslim* melalui program keharmonian Islam membuat program pengislaman dan kerja susulan yang berterusan mengadakan kursus-kursus pendakwah yang berjadual.

Pemilihan pegawai serta kakitangan juga dipelbagaikan latarbelakang keturunan bagi memudahkan kerja-kerja dakwah perhubungan antara saudara baru.<sup>54</sup>

---

<sup>52</sup> *Ibid.*, 21 Januari 2001.

<sup>53</sup> mulai Februari 1999 unit ini dikenali sebagai Unit Dakwah Saudara Kita, menurut ketuanya Ustaz Anuar Hamzah ini bagi mendekatkan pasukan ini dengan tugas sebenar mendekati dan menyalurkan bantuan secukup mungkin dapat meningkatkan Islam mereka, temubual pada 20 Oktober 1999.

<sup>54</sup> Temubual bersama Ustaz Anuar Hamzah Toha , Penolong Pengarah Unit Dakwah Saudara Kita , 29 Oktober 2000.

**Pegawai Unit Dakwah Saudara Kita**

**di Pejabat Agama Daerah di negeri Selangor Darul Ehsan**

<b>Bil</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Nama Pegawai</b>	<b>Bangsa</b>
1.	Shah Alam	Anuar Hamzah Toha Sdr Yusof Ong Shafie Patt Abdullah Hannan Yadi Nor Lee Abdullah	Melayu Cina Cina Melayu Cina
2.	Kuala Langat	Raziaton bt Ramli	Orang Asli
3.	Hulu Langat	Norazlina Mohammad	Melayu
4.	Subang Jaya	Ahmad Fauzi Abdullah	India
5.	Petaling Jaya	Fatimah bt Abdullah	India
6.	Sepang	Saloni Abdullah	Orang Asli
7.	Hulu Selangor	Jamal Abdullah	India
8.	Klang	Yaakob Alwi Abdullah Mat-Saha Hj Ederis	Sabah
9.	Kuala Selangor	Abdul Rahman Siva	India
10.	Gombak Barat	Siti Fatimah bt Abdullah	India
11.	Gombak Timur	Maskur Ma Abdullah	Orang Asli
12.	Sabak Bernam	Normah Nawama	India

## 2.2.2 Aktiviti dakwah serta penerangan

Bagi melicinkan hasrat serta objektif tersebut, pelbagai program dan aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan seperti <sup>55</sup> :-

- Halaqah bimbingan Fardhu Ain
- Latihan amali ibadah *khusus*
- Latihan pengucapan awam
- Seminar / bengkel / kursus jangka pendek / panjang
- Latihan kemahiran untuk hidup berdikari.

Kesemua aktiviti ini dijalankan mengikut tiga modul tarbiyah yang telah disusun iaitu :-

- Kursus Intensif Saudara Kita Cemerlang
- Kursus Peningkatan Kefahaman dan Penghayatan Islam
- Bengkel Perkaderan Dakwah.

Kepada saudara baru yang dapat menunjukkan minat untuk melanjutkan pelajaran, pihak JAIS akan menghantar mereka ke beberapa

---

<sup>55</sup> beliau merupakan Pegawai ( Latihan & Tarbiyah ), Unit Dakwah Saudara Kita JAIS.

pusat pengajian peringkat menengah dan tinggi seperti Institut Dakwah Islamiyyah PERKIM ( IDIP ), Pengajian Pondok Tradisional dan juga ke Institut Pengajian Tinggi dalam dan luar negeri.<sup>56</sup>

Bagi memastikan para mualaf ini sentiasa diberi haknya, pihaknya memastikan setiap saudara baru melalui tiga tahap modul pendidikan iaitu Tahap Asas, Menengah dan Tinggi.<sup>57</sup>

Ketiga-tiga tahap ini disusun dalam bentuk modul latihan seperti berikut :-

1. Kursus Saudara baru Cemerlang
2. Kursus Perkaderan Dakwah
3. Kursus Kefahaman Islam dan Perbandingan Agama

Program pendidikan juga disediakan dan kelas-kelas ini dijalankan di peringkat daerah. Pegawai yang bertanggungjawab akan bekerjasama dengan panel pendakwah yang dilantik untuk mengendalikan kelas pengajian fardhu.

---

<sup>56</sup> JAIS telah menaja seramai 40 orang saudara baru yang sedang menuntut di Kelantan, 24 penuntut di Institut Dakwah Islam PERKIM ( IDIP ), Pengkalan Chepa, 15 lagi penuntut di Pondok Pasir Tumbuh dan seorang di Institut Pengajian Islam ABIM , Kelantan, temubual dengan Ustaz Anuar Hamzah sehari sebelum bertolak ke sana untuk memantau prestasi pengajian pelajar-pelajar tajaan JAIS, 19 Oktober 2001.

<sup>57</sup> Laporan Tahunan Unit Dakwah Saudara Kita, Jabatan Agama Islam Selangor, 1998.

Bagi daerah Gombak, aktiviti ini diketuai oleh Ustaz Maskur Ma Abdullah, kelas pengajian mualaf ini diadakan di Batu 12, Gombak pada setiap Hari Sabtu jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi.<sup>58</sup>

### **Sambutan Bulan-bulan Islam**

Dalam setiap program rasmi kerajaan negeri khasnya yang berkaitan dengan sambutan perayaan kebesaran Islam, para mualaf dijemput secara rasmi melalui pejabat agama daerah masing-masing. Ini bagi meraikan mereka serta secara tidak langsung mendedahkan mereka kepada suasana yang kondusif, baru serta budaya yang baik dalam kehidupan seorang muslim.<sup>59</sup>

### **Ziarah dan Dakwah kepada Mualaf**

Peranan ini diamanahkan juga kepada bahagian Saudara Kita di daerah-daerah yang mempunyai hubungan secara langsung dengan saudara-saudara baru yang tinggal di daerah mereka. Pihak Unit Dakwah Saudara Kita ini melalui pejabat agama daerah juga berkerjasama dengan pihak badan bukan kerajaan dengan memberi bantuan kewangan dan peralatan untuk menjayakan program ini. Sebagai contohnya kerjasama JAIS dengan persatuan al-Hidayah

---

<sup>58</sup> Ustaz Maskur Ma Abdullah, Pegawai Mualaf JAIS, temubual pada 20 Mac 2002.

<sup>59</sup> Ustaz Nor Lee Abdullah, Pegawai Mualaf JAIS, temubual pada 20 Mac 2002.

(Persatuan Dakwah dan Kebajikan Saudara Baru India Se-Malaysia) termasuk program ziarah bulanan ke rumah-rumah saudara baru.<sup>60</sup>

### 2.2. 3 Program Memperkasakan Mualaf

Sebagai sebuah unit yang bertanggungjawab penuh dalam hal-hal yang berkaitan dengan mualaf, Unit Dakwah Saudara Kita JAIS telah merancang dan menyediakan pelbagai aktiviti khusus untuk mualaf di negeri ini. Aktiviti-aktiviti tersebut merangkumi aktiviti untuk mualaf dan juga pegawai .Di antara aktiviti yang disediakan oleh Unit Dakwah Saudara Kita untuk mualaf di setiap tahun ialah:

- Mengadakan majlis silaturrahim di kalangan mualaf. Majlis-majlis tersebut termasuklah Sambutan Hari Raya yang bertujuan untuk mengeratkan tali persaudaraan sesama umat Islam khususnya mualaf yang berbilang bangsa. Di samping itu, ia juga untuk meraikan mualaf yang tidak dapat merayakan hari lebaran bersama keluarga asal mereka yang berlainan agama selain daripada pendekatan dakwah *bi al-hāl* yang dapat memperlihatkan

---

<sup>60</sup> Ustazah Fatimah Abdullah, Pegawai Mualaf Pejabat Agama Islam Gombak (Kuang ), temubual pada 23 Ogos 2000.



bahawa agama Islam bukan milik sesuatu bangsa ia adalah bersifat *universal*.

- Program *Ihyā' Ramaḍhān* untuk menghidupkan bulan Ramadhan di samping program keilmuan, penyampaian tazkirah dan meningkatkan penghayatan Islam di bulan Ramadhan al-Mubārak.
- Kursus Intensif Saudara Kita Cemerlang yang diadakan sebanyak 10 kali sepanjang tahun, setiap kursus berlangsung selama 5 hari.<sup>61</sup> Di antara objektif pentingnya ialah untuk meningkatkan lagi keimanan dan ketakwaan kepada Allah s.w.t, faham dan yakin diri terhadap masyarakat serta menjadi pendakwah dan penggerak ke arah perpaduan saudara kita.
- Kursus peningkatan kefahaman dan penghayatan Islam untuk para muallaf berkongsi pengalaman dan maklumat berhubung pendekatan penyelesaian permasalahan dan cabaran saudara baru di samping meningkatkan kefahaman

---

<sup>61</sup> Kursus-kursus ini diadakan di Pusat Latihan IKELAS, Banting juga di Kem al-Azhar, Morib dan Pusat Latihan SAPINTAS di Sabak Bernam.

Islam serta mengukuhkan ikatan ukhuwah Islamiah sesama mereka.

- Unit ini juga telah mengadakan kursus perkaderan saudara baru untuk melahirkan pendakwah yang berwibawa dan professional di kalangan muaf sekalgus menyediakan pelapis kepimpinan muaf khususnya di Negeri Selangor. Kumpulan sarannya ialah pendakwah *non-muslim*, saudara baru yang berpotensi untuk berdakwah serta kakitangan Unit Dakwah Saudara Kita sendiri.
- Program Khemah Ibadat diadakan dua kali setahun yang berusaha memberi bimbingan dan panduan berhubung pendekatan dan cara yang dianjurkan oleh ajaran Islam serta memberi pendedahan kepada peserta mengenai pengalaman melaksanakan ibadat solat, zikir munajat dan sebagainya secara berjemaah. Ia adalah sebagai satu cara menyediakan bakal jurudakwah dan pimpinan saudara baru yang tahan diuji dan mampu berdikari dan dapat membuat penyesuaian dalam apa juga medan perjuangan. Di dalam program ini disediakan aktiviti ceramah, kembara, ziarah dakwah, gotong royong dan bengkel.

- Kursus Rumahku Syurgaku yang diadakan kepada saudara baru yang akan berumahtangga dan yang sudah berkahwin. Ini adalah sebagai bimbingan untuk mewujudkan keharmonian rumahtangga saudara baru, membangkitkan kesedaran berhubung tanggungjawab suami isteri serta mengurangkan kadar krisis rumahtangga yang membawa kepada penceraian. Saudara baru berpeluang untuk berdialog di samping ceramah, bengkel dan bimbingan dalam kumpulan.
- Golongan muallaf juga berpeluang untuk menyertai Majlis Ujian Tilawah Al-Qur'ān yang diadakan sebagai alternatif kepada mengurangkan gejala buta Al-Qur'ān serta meningkatkan minat dan mutu pembacaan Al-Quran. Penulis dapat mengikuti dengan lebih dekat lagi Majlis Ujian Tilawah Al-Qur'ān Orang Asli Peringkat Negeri Selangor yang diadakan pada 21 Julai 2001 bertempat di Masjid Negeri, Shah Alam, Selangor.<sup>62</sup> Program ini adalah julung-julung sekali diadakan dan telah menawarkan hadiah berupa sebuah piala, wang tunai RM 500 dan sepersalinan pakaian kepada johan kedua-dua kategori qari

---

<sup>62</sup> Program anjuran bersama Unit Dakwah Saudara Kita, Jabatan Agama Islam bersama dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Selangor.

dan qariah , Naib Johan pula menerima RM 300 dan sepersalinan pakaian. Tempat ketiga pula menerima RM 200 dan sepersalinan pakaian manakala hadiah saguhati pula berupa wang tunai sebanyak RM100 dan sepersalinan. Seramai sebelas qari dan qariah yang datang mewakili daerah masing-masing yang akhir dimenangi oleh Sdr Naszari Abdullah dari daerah Sepang , manakala kategori qariah pula dimenangi oleh Cik Noriah bt Syne dari daerah Kuala Langat.<sup>63</sup>

- Antara aktiviti lain ialah Hari Keluarga Mualaf Daerah yang diadakan mengikut daerah-daerah di Negeri Selangor bertujuan untuk mewujudkan ukhuwah Islamiah di kalangan mualaf selain memberi peluang kepada mereka untuk bertukar-tukar pendapat dan pandangan serta beramah mesra.

Unit Dakwah Saudara Kita juga menyediakan sidang video bercorak video Islam kepada mualaf untuk mengenang sejarah

---

<sup>63</sup> Ustaz Anuar Hamzah Toha, Pengerusi Jemaah Hakim Tilawah merangkap Penolong Pengarah Unit Dakwah Saudara Kita JAIS, temubual pada 21 Julai 2001.

kemunculan Islam, perjuangan Rasulullah s.a.w dan sahabat, melihat cara hidup yang dianjurkan oleh Islam dan lain-lain.<sup>64</sup>

### **Program untuk pengembangan kakitangan dalaman.**

Menyedari bahawa pembaharuan dan peningkatan kerja di kalangan pegawai mualaf juga amat penting, maka Unit Dakwah Saudara Kita telah merangka pelbagai aktiviti untuk memperkasakan kakitangannya yang terdiri daripada pegawai mualaf dan guru-guru agama. Di antara aktiviti tersebut ialah:

- Bengkel menangani gejala murtad yang diadakan sebanyak dua kali setahun bertempat di Pusat Latihan Seri Malaysia, Bagan Lalang, Sepang. Antara lain objektifnya ialah mengenal pasti punca dan faktor yang membawa kepada gejala murtad di kalangan mualaf serta merangka strategi dan tindakan bagi mengawal dan membentaras gejala murtad.
- Pegawai-pegawai, mualaf, pendakwah *non-muslim* dan wakil-wakil badan bukan kerajaan turut disediakan muzakarah pendakwah *non-muslim* dalam usaha mengembleng tenaga

---

<sup>64</sup> Rancangan Tahunan Unit Dakwah Saudara Kita, Jabatan Agama Islam Selangor, 1998.

pendakwah *non-muslim* untuk melancarkan gerakan dakwah Islamiah secara bersepadu. Ia juga bertujuan untuk menyelesaikan masalah pertindihan dan percanggahan peranan, fungsi dan program anjuran agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan .

- Program Peningkatan Kualiti Pegawai Muallaf juga dijalankan khusus kepada pegawai, kakitangan dan guru agama Unit Ukhuwah dalam rangka semua aktiviti dakwah peringkat Negeri Selangor. Antara lain, objektifnya ialah melahirkan satu idealisme dakwah bersama untuk menjana kekuatan, keberkesanan jentera dakwah dalam menangani permasalahan terkini di samping merancang strategi yang bersepadu untuk berhadapan dengan serangan pendakwah lain.
- Program musafir sambil belajar juga diadakan yang diberi nama Lawatan Perkembangan Minda selama 4 hari bertempat di Majlis atau Jabatan Agama Islam di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak, Thailand, Singapura, Brunei dan Indonesia. Program ini adalah untuk memperolehi sasaran matlamat berikut :-

I. Peluang berinteraksi dengan jentera dakwah di negeri lain

- II. Membina rangkaian dakwah yang lebih tersusun serta bersepadu.
- III. Untuk memberi suntikan semangat yang gigih kepada anggota pasukan dakwah dalam menyampaikan risalah Islam.

Unit ini juga memainkan peranan menjalankan Program *Out-Reach* ke kawasan pedalaman bersama badan-badan bukan kerajaan . Di antara badan yang terlibat ialah seperti PERKIM, persatuan mahasiswa Universiti-universiti tempatan, Darul Fitrah Malaysia, Madrasah India Muslim (MIM), Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan sebagainya. Kawasan-kawasan yang terlibat bagi tahun 1999 ialah di Hulu Selangor, Pulau Carey, Bukit Kemandol dan lain-lain.

#### **2.2.4 Kategori Bantuan Mualaf<sup>65</sup>**

Sementara itu bantuan yang diberikan kepada golongan mualaf di Unit Ukhuwwah JAIS terbahagi dua iaitu:

---

<sup>65</sup> Bantuan yang dikeluarkan kepada asnaf mualaf adalah sebanyak 1/8 daripada hasil kutipan zakat pada tahun yang berkenaan. Sebagai contoh perbandingan peruntukan untuk asnaf Muallaf untuk tahun 2001 ialah sebanyak RM 3,318,884.36 berbanding pada 2000 iaiti RM 2,440,210.74 , pertambahan sebanyak RM 878,673.62. Pertambahan peratusan ialah 36.01% . Lihat Pusat Zakat Selangor, [www.e-zakat.com.my](http://www.e-zakat.com.my), 22 Januari 2001.

- I. Bantuan material yang bertujuan untuk mengurangi beban hidup.
- II. Bantuan rohani dengan mengadakan majlis ilmu seperti memberi kursus kelas Fardhu Ain dan Khidmat Kaunseling untuk menguatkan keimanan mereka.

Menurut Ustaz Anuar Hamzah , Penolong Pengarah Unit Ukhuwwah JAIS , kursus Fardhu Ain yang diadakan pada setiap minggu dan kursus intensif pula sebulan sekali telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan di kalangan mualaf .

Bantuan material yang diterima oleh mualaf biasanya diterima dalam bentuk wang tunai. Pihak unit ini juga menyeliakan bentuk-bentuk bantuan seperti berikut:

- ✓ Bantuan bulanan yang diberi sebagai wang saku kepada saudara baru bagi tempoh setahun pertama mereka memeluk Islam.
- ✓ Elaun menghadiri kelas agama asas yang diberikan kepada saudara baru dewasa. Setiap kali kehadiran mereka ke kelas



agama , mereka akan diberikan elaun sebanyak RM15 yang sebenarnya ia bertujuan untuk membiayai tambang mereka.<sup>66</sup>

- ✓ Bantuan kecemasan atau runcit pula diberikan kepada saudara baru yang memerlukan bantuan terdesak untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan kecemasan seperti kebakaran, banjir serta perbelanjaan runcit mualaf.
- ✓ Bantuan perubatan seperti bantuan berkhatah turut diberikan kepada mereka dengan kadar pembiayaan yang tetap sebanyak RM 150 seorang.
- ✓ Peruntukan tahunan Hari Raya akan diberikan kepada ketua keluarga sebagai sumbangan kepada mereka untuk menyambut hari lebaran.

Jumlah sumbangan adalah bergantung kepada jumlah semasa kutipan zakat pada tahun itu. Dalam satu sidang akhbar Menteri Besar Selangor telah mengumumkan jumlah kutipan dan dinyatakan peruntukan sebanyak RM3,317,659.36 bagi asnaf mualaf .

---

<sup>66</sup> Elaun ini diberikan terus selepas kelas-kelas dijalankan sebagai satu galakan menghadiri kelas-kelas bimbingan di semua peringkat.

Pengagihan wang zakat ini dibuat melalui empat program utama iaitu program pembangunan sosial, program pembangunan pendidikan, program pembangunan ekonomi serta program pembangunan prasarana.<sup>67</sup> Pada tahun 1999, kadar bantuan ditentukan sama seperti bantuan kepada asnaf fakir dan miskin .

Bagi saudara baru yang ingin berkahwin, mereka juga akan mendapat bantuan perkahwinan sebanyak RM 1000 yang akan diberikan kepada salah seorang daripada mereka dengan syarat itu adalah perkahwinannya yang pertama setelah memeluk Islam.<sup>68</sup>

Peruntukan juga meliputi kos percetakan dan penerbitan risalah-risalah dan buku-buku yang berkaitan dengan dakwah Islamiah di kalangan saudara baru.

Unit ini juga turut memberi perhatian terhadap kediaman mualaf, di mana bantuan juga merangkumi pengurusan rumah tumpangan mereka seperti membaiki kerosakan bangunan, membayar bil elektrik dan air juga kos lain bagi penyelenggaraan bangunan. Semenjak tahun 1995 bantuan ini diluaskan penggunaannya termasuk

---

<sup>67</sup> Pusat Zakat Selangor, <http://www.e-zakat.com.my/artikel58.htm>, 2 Mei 2002

<sup>68</sup> 17 Julai 1999 telah diadakan majlis perkahwinan beramai-ramai saudara baru iaitu seramai 19 pasangan, mereka diraikan oleh YB Menteri Besar Datuk Dr Abu Hassan Omar dan isteri di kediaman rasminya, setiap pasangan pada hari tersebut diberikan cenderahati kenangan dari YB Menteri Besar.

rumah tumpangan mualaf, balai Islam, pusat kegiatan, surau-surau, asrama-asrama yang digunakan oleh golongan mualaf.<sup>69 70</sup>

Sebagai contoh di Kuala Selangor telah dibina sebuah penempatan sementara untuk saudara baru yang diberi nama Bait al-Mahabbah, telah beroperasi sejak awal September 1999 dengan penghuninya seramai 13 orang. Lazimnya mereka yang menetap di sini adalah dari kalangan mereka yang menghadapi masala akidah yang serius seperti berlakunya penyelewangan akidah. Penubuhan rumah perlindungan seperti ini adalah dapat mengumpulkan saudara baru yang bermasalah dan mudah dibimbing serta dikaunselingkan agar dapat istiqamah di jalan yang benar dan samping menjauhkan mereka daripada gangguan luar yang bersifat negatif dan mempengaruhi. Asrama ini mempunyai peraturannya tersendiri yang ditetapkan oleh JAIS seperti jadual solat berjamaah, pengajian ilmu, riadah dan lain-lain lagi. Seorang guru bernama Ustazah Norlina Abdullah ditempatkan di situ untuk membimbing para saudara baru.

---

<sup>69</sup> Ustaz Jamal Abdullah, Pegawai Dakwah JAIS, temubual pada 7 Oktober 1999.

<sup>70</sup> Penulis mengikuti program Sambutan Maal Hijrah 1423 peringkat Negeri Selangor yang telah diadakan di Masjid, Ar-Raudah, Pekan Tanjung Karang pada 14 Mac 2002 dimana dua peserta mualaf telah menerima agihan zakat Muallaf untuk membina rumah, mereka ialah Nurul Huda Binti Abdullah dan Nur Azureen Chong binti Abdullah yang mana masing-masing menerima bantuan sebanyak RM 15000.00.

Saguhati galakan kepada saudara baru diberikan sebagai galakan sempena memeluk agama Islam. Kadar sumbangan adalah sebanyak RM50 hingga RM 100 berdasarkan umur mereka. Saguhati akan disampaikan di dalam majlis pengislaman mereka.

Bantuan perniagaan pula diberikan kepada saudara baru yang proaktif serta produktif dan ingin menjalankan perniagaan mereka sendiri, Jumlah bantuan maksimum ialah sebanyak RM5000 serta peralatan keperluan asas untuk menjalankan aktiviti perniagaan tersebut.<sup>71</sup>

Pemberian galakan juga akan diberikan kepada mualaf yang dapat menarik orang bukan Islam memeluk Islam.<sup>72</sup>

Bantuan umum pelajaran saudara baru diberikan kepada mereka yang ingin melanjutkan pelajaran dalam apa-apa bidang

---

<sup>71</sup> Nama saudara baru tersebut ialah Mohd Shafik Chew bin Abdullah, beliau tinggal di alamat : No 136 Sg Hj Dorani, 45300 Sungai Besar Selangor yang bekerja asalnya sebagai buruh sudah berkahwin telah memeluk Islam pada 11 Jun 1996 di Pejabat Agama Islam Sungai Besar. Beliau telah mendapat bantuan perniagaan dari peruntukan ssnaf mualaf berbentuk sebuah mesin pengisar tebu, mesin air batu campur dan modal permulaan yang keseluruhannya RM 3,600.00. Pemiagaannya telah dijalankan di hadapan rumahnya yang dibantu oleh isterinya sendiri serta anak-anak buahnya. Dengan adanya bantuan yang diterima daripada pihak MAIS maka beliau dapatlah menampung perbelanjaannya yang selama ini hanya bergantung kepada pendapatan buruh kasarnya sahaja.

<sup>72</sup> Sebagaimana yang diterima oleh Roslan Abdullah, penggerak Masyarakat Orang Asli dari Kampong Alah Batu, Changkat Bintang di Hulu Selangor.

sekalipun. Mulai 1999, bantuan ini diluaskan untuk menampung elaan bulanan pengajian saudara baru di sekolah-sekolah pondok.<sup>73</sup>

Peruntukan khas juga disediakan untuk membiayai majlis silaturrahim atau Hari Kebesaran Islam yang diadakan hampir setiap daerah pada setiap tahun. Peruntukan ini hanya boleh digunakan untuk membiayai bahagian-bahagian peserta mua'laf sahaja manakala bagi peserta bukan mu'alaf peruntukan akan diambil dari asnaf yang lain.<sup>74</sup>

Sebagai contoh yang dekat ialah Bantuan sempena kedatangan bulan Ramadhan al Mubarak yang mana pada 5 Disember 2000 bertempat di Masjid al-Amaniah, Batu Caves Gombak, DYMM Pemangku Raja Selangor telah berkenan menyampaikan bantuan Hari Raya kepada saudara baru sebanyak RM100 setiap seorang beserta sepersalinan pakaian.<sup>75</sup>

Manakala untuk bantuan bukan material pula agenda serta program yang disediakan bagi pembangunan insan meliputi mental juga roh kejiwaan saudara baru iaitu dengan menumpukan kawal selia kepada faktor-faktor yang membentuk kefahaman akidah yang jelas melalui

---

<sup>73</sup> Ustaz Anuar Hamzah Toha, temubual pada 23 Mac 2002.

<sup>74</sup> Laporan Tahunan ( 1998), Unit Dakwah Saudara Kita, JAIS.

<sup>75</sup> Majlis terbuka puasa bersama DYMM Pemangku Raja Selangor bersama saudara baru pada 5 Disember 2000 di Masjid Al-Amaniah, Gombak Selangor Darul Ehsan.

program-program yang tersusun, bermula dengan majlis pengislaman sehingga mereka dapat memahami tuntutan fardhu ain serta perlaksanaannya bahkan dapat membantu jentera dakwah bagi mengajak rakan-rakan lain untuk mendekati dan memahami Islam.

Untuk tahun 2001 sahaja, kedua-dua jenis bantuan ini sudah menelan belanja sebanyak RM 366,140.00 iaitu jumlah yang dibelanjakan untuk Kursus Intensif Saudara Kita Cemerlang, Kursus Perkaderan Saudara Kita, Khemah Ibadah, Bengkel penyelarasan Proses Pengislaman dan Pernikahan Saudara Baru Selangor, Muzakarah Pendakwah *Non Muslim*, Kursus Peningkatan Pegawai Mualaf, Majlis Ujian Tilawah al-Qur'ān, Sambutan 'Eid al-fitrī mualaf Selangor, Program Jalinan Ukhwah dan Dakwah.<sup>76</sup>

Menurut Puan Azhana Abdul Mutalib, pegawai penyidik, Pusat Zakat Selangor, perbelanjaan untuk asnaf ini meningkat hampir 300% antara bulan Januari 2002 dengan Februari 2002, ini adalah didasarkan kepada keperluan serta hajat pembangunan *material* dan *non-material* asnaf mualaf .

Perbandingan itu dapat dilihat di dalam web rasmi Pusat Zakat Selangor .

---

<sup>76</sup> Laporan Tahunan (2001),Unit Ukhwah Saudara Kita JAIS .

**AGIHAN ZAKAT ASNAF MUALLAF BAGI JAN 2002**

<b>JENIS BANTUAN</b>	<b>RM</b>
Bantuan Kewangan Bulanan	4,600.00
Sambutan Hari Kebesaran Islam	17,041.00
Belanja Pengurusan Unit Muallaf	1,330.00
Program Ceramah Muallaf	200.00
Bantuan Berkhatan	429.00
Sumbngn Bdn/Persatuan Saudara Baru	1,990.00
Pengurusan Rumah Perlindungan	196.17
Bantuan Kecemasan/Runcit Muallaf	892.00
Elaun Kehadiran Kelas Agama Asas	16,590.00
Elaun Guru Agama Kelas Agama Asas	3,900.00
Gaji Kakitangan Muallaf	5,400.00
Bantuan Umum Pelajaran	100.00
Kursus/Latihan	10,535.00
Pengurusan Jenazah Muallaf	326.60

**AGIHAN ZAKAT ASNAF MUALLAF BAGI FEB 2002**

<b>JENIS BANTUAN</b>	<b>RM</b>
Bantuan Kewangan Bulanan	15,800.00
Seguhati Gelakan Saudara Baru	2,000.00
Sambutan Hari Kebesaran Islam	18,253.00
Percetakan/Penerbitan	7,500.00
Belanja Pengurusan Unit Muallaf	2,267.11
Peralatan Penyelenggaraan Komputer	20,860.00
Program Ceramah Muallaf	227.40
Bantuan Berkhatan	150.00
Bantuan Perkahwinan	10,000.00
Pengurusan Rumah Perlindungan	19,834.65
Bantuan Kecemasan/Runcit Muallaf	1,690.60
Aktiviti/Lawatan Sambil Belajar	2,540.00
Elaun Kehadiran Kelas Agama Asas	81,885.00
Elaun Guru Agama Kelas Agama Asas	21,800.00
Gaji Kakitangan Muallaf	5,400.00
Bantuan Umum Pelajaran	44,905.00
Kursus/Latihan	23,410.00
Pengurusan Jenazah Muallaf	6,429.00

**JUMLAH AGIHAN ASNAF MUALLAF SEHINGGA  
MAC 2002**

Januari	63,529.77
Februari	284,951.76
Mac	167,207.28
<b>Jumlah</b>	<b>515,688.81</b>

Sumber : Pusat Zakat Selangor, 12 Ogos 2003.<sup>77</sup>

### 2.3 Kesimpulan

Sebagai penutup bab yang kedua ini, pihak JAIS diharapkan meneliti kembali setiap objektif serta matlamat kerja-kerja dakwah yang diamanahkan kepada mereka. Ini dapat dilaksanakan dengan mewujudkan organisasi sokongan dalaman mahupun luaran yang dapat memantau keberkesanan setiap program yang dijalankan.

Ini adalah penting untuk mengikis pandangan bahawa memeluk agama Islam itu ialah memeluk bangsa Melayu dapat dikikiskan. Akhirnya dapat melembutkan hati *non-muslim* yang lain untuk mengenali Islam dengan lebih dekat lagi.

Sebagai satu teguran membina serta muhasabah dalam beraktiviti , satu program tetap secara tahunan yang dianjurkan oleh BALKIS,<sup>78</sup> Unit Ukhwah JAIS dan PERKIM Daerah Sepang pada 17 Julai 1999 iaitu majlis meraikan perkahwinan bagi sembilan belas pasangan pengantin

---

<sup>77</sup> Pusat Zakat Selangor, <http://www.e-zakat.com.my/statistik/asnaf.htm>, 12 Ogos 2003.

<sup>78</sup> Badan Amal Isteri-isteri Wakil Rakyat Selangor (BALKIS) juga menganjurkan program ini secara tahunan dan untuk tahun 2003 ini dilangsungkan pada 21 September baru-baru ini di Kompleks Kebudayaan dan Belia, Shah Alam, program tersebut mencatat sejarah dan dimasukkan dalam Malaysia Book Of Record sebagai pelamin terbanyak dalam sesebuah persandingan, lihat Badan Amal Isteri Wakil Rakyat Selangor, <http://www.balkis.org.my/modules.php>, 29 September 2003.



Saudara Baru. Mereka diraikan dalam satu majlis persandingan beramai-ramai yang dirasmikan oleh Menteri Besar Selangor ketika itu YAB Dato Haji Abu Hassan bin Haji Omar dan isterinya di kediaman rasminya di Bukit Megawati Shah Alam Selangor Darul Ehsan.

Program ini bercampur aduk dengan istiadat melayu yang tiada kena mengena Islam dan penghayatannya, ini sudah pasti akan mengelirukan kefahaman saudara baru. Antaranya amalan persandingan, menabur beras kunyit, jika ia ditabur dengan tujuan menambah semangat dan menghalau roh jahat, maka ia adalah syirik.

Begitu juga berendam, perbuatan andaman yang berbentuk "*li al-tadlīs*" mengabui/merubah kecantikan yang sebenar adalah haram. Tambahan pula perhiasan itu untuk dipamerkan (*tabarruj*): Berhias dengan tujuan untuk dipamerkan kepada orang ramai adalah dilarang.<sup>79</sup>

Sebagai pihak berkuasa sepatutnya memberi kefahaman yang jelas supaya adat kebiasaan Melayu ini tidak disalahanggap oleh golongan muallaf sebagai sebahagian cara hidup Islam.

---

<sup>79</sup>Persatuan Ulama Malaysia, [www.e-ulama.org/Tanya/Default.asp?mode=0&ID=1503](http://www.e-ulama.org/Tanya/Default.asp?mode=0&ID=1503), 23 September 2003.

Firman Allah S.W.T

وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَىٰ

yang bermaksud,

"Janganlah kamu bertabarruj seperti kelakuan orang zaman jahiliah dahulu.

Sūrah Al-Ahzāb (33) : 33

Namun adat kebiasaan persandingan ini boleh diperbaiki agar ia tidak bertentangan dengan hukum syarak dengan menutup aurat, mengelakkan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan juga majlis itu hanya untuk keluarga terdekat.<sup>80</sup>

Oleh itu pihak Kerajaan Negeri Selangor dan juga pihak berkuasa agama mestilah menyediakan persekitaran budaya Islam yang sebenar kepada masyarakat saudara baru. Ini bagi mengelakkan kepercayaan bahawa memeluk Islam itu memeluk Melayu tidak lagi menjadi penghalang usaha dakwah di negeri yang berbilang kaum ini.

---

<sup>80</sup> Lihat pandangan SS Dato' Mufti Kerajaan Negeri Melaka, <http://distance.mmu.edu.my/mufti1.nsf/0/c2bde168a87e4ecf48256b130015ee80?OpenDocument>, 22 September 2003.